

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 20.02.2026 MASA: 9.30PG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN PERTANDINGAN PENDIDIKAN
HIJAU DIGITAL @ *EDU-GREEN DIGITAL (SINGLE USE*
***PLASTIC*) PIALA DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**
TAHUN 2026

TARIKH / MASA / TEMPAT
23 FEBRUARI 2026 (ISNIN)
9.00 PAGI

AUDITORIUM, MENARA BANDARAYA, MBSP
SEBERANG PERAI TENGAH

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. ***Alhamdulillah***, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun dalam **Majlis Pelancaran Pertandingan Pendidikan Hijau Digital @ Edu-Green Digital (Single Use Plastic) Piala Datuk Bandar Seberang Perai Tahun 2026.**
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Profesor Dr. Che Zalina Binti Zulkifli, Ketua Pusat Pendidikan Hijau, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)** dan **Puan Rosalawati Binti Abdul Hamid, Pengarah Sumber Manusia, Flextronics Technology (Penang) Sdn. Bhd.** atas kerjasama erat bersama **Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)** dalam menjayakan program ini. Ucapan terima kasih juga kepada **Flextronics Technology (Penang) Sdn. Bhd.** atas **sumbangan tajaan berjumlah RM5,000**, yang membuktikan komitmen sektor industri terhadap pendidikan hijau dan kelestarian alam sekitar.
3. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada para pengetua dan guru besar, guru-guru penyelaras, ibu bapa serta para pelajar yang menjadi penggerak utama kepada kejayaan inisiatif ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Pada hari ini, kita melancarkan satu inisiatif yang bukan sahaja relevan, malah amat mendesak, iaitu usaha menangani isu **Single Use Plastic**. Kita semua maklum, plastik yang digunakan hanya beberapa minit, boleh mengambil masa ratusan tahun untuk terurai. Persoalannya, adakah kita mahu generasi akan datang mewarisi kemudahan yang kita nikmati, atau mewarisi beban yang kita tinggalkan?
5. Pertandingan Pendidikan Hijau Digital @ Edu-Green Digital ini mengetengahkan pendekatan **edutainment**, iaitu gabungan pendidikan dan hiburan, yang menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan, interaktif dan berkesan. Melalui pendekatan ini, mesej kelestarian tidak disampaikan secara kaku, sebaliknya dihayati melalui kreativiti, inovasi digital dan penglibatan aktif pelajar.
6. Inilah pendekatan yang selari dengan keperluan generasi hari ini. Generasi yang celik teknologi, berfikiran kritis dan berani mencipta idea baharu. Seperti yang sering saya tekankan, **“Green is the New Smart”**, kebijaksanaan masa kini bukan sekadar pada teknologi, tetapi pada keupayaan menjaga kelestarian.

Hadirin sekalian,

7. Seberang Perai sedang bergerak ke arah bandar pintar yang mampan. Namun, bandar pintar tidak diukur hanya melalui teknologi

canggih, tetapi melalui sikap dan amalan warganya. Jika budaya plastik sekali guna tidak dikawal, pembangunan mampan akan berdepan cabaran yang besar.

8. Bayangkan jika setiap sekolah di Seberang Perai berjaya mengurangkan penggunaan plastik sekali guna, dan setiap pelajar menjadi ejen perubahan di rumah masing-masing. Kesan kumulatifnya amat besar, bandar yang lebih bersih, sistem perparitan yang lebih terurus dan alam sekitar yang lebih lestari.
9. Piala Datuk Bandar yang dipertandingkan bukan sekadar simbol kemenangan, tetapi lambang kepimpinan hijau dan keberanian mencetus idea yang memberi manfaat kepada masyarakat dan alam sekitar.

Pelajar-pelajar yang saya banggakan,

10. Kalian adalah generasi pewaris masa depan. Jangan tunggu dewasa untuk memimpin perubahan. Mulakan hari ini. Gunakan kreativiti, teknologi dan pengaruh digital kalian untuk menyebarkan mesej kebaikan dan kelestarian.
11. Saya berharap pertandingan ini menjadi pemangkin kepada gerakan **“Seberang Perai Tanpa Plastik Sekali Guna”**, dan seterusnya menjadikan Seberang Perai contoh bandar yang maju seiring dengan kelestarian alam sekitar.

Hadirin yang dihormati,

12. Alam sekitar bermula dengan pilihan kecil yang kita buat setiap hari. Perubahan besar sentiasa bermula dengan tindakan kecil yang dilakukan secara konsisten.
13. Marilah kita bersama-sama menanam azam bahawa pertandingan ini bukan sekadar satu acara tahunan, tetapi satu titik tolak kepada transformasi budaya. Kita mahu membina generasi yang berfikir jauh ke hadapan, bertindak dengan penuh tanggungjawab dan berani mencabar norma demi masa depan yang lebih hijau.
14. Dengan lafaz ***Bismillahir Rahmanir Rahim***, saya dengan ini merasmikan **Pelancaran Pertandingan Pendidikan Hijau Digital @ Edu-Green Digital (Single Use Plastic) Piala Datuk Bandar Seberang Perai Tahun 2026.**

Dan memandangkan kita berada dalam bulan Ramadan yang penuh keberkatan, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menunaikan Ibadah Puasa kepada semua yang beragama Islam. Semoga Ramadan ini menyemai disiplin, kesederhanaan dan rasa tanggungjawab dalam diri kita semua, termasuk tanggungjawab memelihara alam sekitar.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***